

Pakar bedah jantung PPUKM terima pingat RCSed

Kuala Lumpur: Pakar Bedah Jantung Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Prof Dr Hanafiah Harunarashid, muncul rakyat Malaysia pertama menerima Pingat Antarabangsa daripada Royal College of Surgeons, Edinburgh (RCSed).

Dr Hanafiah yang juga Pengarah Pusat Kemahiran Pembedahan Lanjutan (ASSC), PPUKM, adalah penerima termuda dalam sejarah 500 tahun RCSed.

Beliau menerima pingat berkenaan daripada Presiden RCSed, Ian Ritchie pada majlis penyampaian diploma di kolej berkenaan pada 9 Oktober lalu.

Ritchie berkata pihak kolej amat berbangga dengan pencapaian Dr Hanafiah dan sumbangan dalam bidang pembedahan pada peringkat antarabangsa yang berkualiti.

"Saya mengambil kesempatan ini menyampaikan anugerah 'Overseas Medal' sebagai penghargaan di atas sumbangan luar biasa beliau dalam bidang pembedahan," katanya.

Satu penghormatan

Sementara itu, Dr Hanafiah berkata anugerah itu adalah satu penghormatan baginya.



Dr Hanafiah (tengah) bersama Ritchie (kanan) dan Jones selepas menerima **Pingat Antarabangsa RCSed**, Edinburgh, 9 Oktober lalu.

"Bekerja dengan rakan dari seluruh negara amat menyeronokkan, termasuk RCSed yang mempunyai memiliki persamaan dari sudut pendidikan dan latihan.

"Saya berhasrat meneruskan bekerja bersama mereka untuk mendidik generasi pakar bedah akan datang," katanya.

Beliau berkata kejayaannya didorong oleh ibu bapa, keluarga, guru dan pelajarnya.

Turut hadir, Timbalan Presiden RCSed, Mike Lovelle Jones.

Dr Hanafiah diiktiraf kerana peranan yang dimainkan dalam menubuhkan pusat latihan kemahiran pembedahan ASSC di tanah air selain aktif

"Bekerja dengan rakan dari seluruh negara amat menyeronokkan, termasuk RCSed yang mempunyai memiliki persamaan dari sudut pendidikan dan latihan"

Dr Hanafiah Harunarashid,
Pakar Bedah
Jantung PPUKM

dalam mempromosikan penilaian berkualiti untuk peperiksaan Keahlian Royal College of Surgeons (MRCS) dan Felo Pemeriksa Kolej Pembedahan Sendi (JSCFE) dan pelbagai aktiviti RCSed di rantau Asia khususnya di Malaysia.

Berasal dari Temoh, Perak, Dr Hanafiah menerima pendidikan di Kolej Melayu Kuala Kangsar dan menamatkan pengajian di Universiti St Andrews dan Edinburgh.

Beliau kini memegang jawatan Naib Presiden Kanan Kolej Pembedahan Malaysia dan juga Naib Presiden Persatuan Jantung.

Dr Hanafiah juga adalah salah seorang daripada tujuh penasihat pembedahan yang dilantik RCSed, institusi pembedahan tertua di dunia.